



## SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG

### KENYATAAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal tempatan yang berkelayakan dan berpengalaman serta berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam bidang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi bekalan/perkhidmatan atau kerja seperti berikut.

NO. DAN TAJUK SEBUT HARGA	KOD BIDANG PENDAFTARAN	TARIKH/TEMPAT DIBEKALKAN DOKUMEN	TARIKH TUTUP
SEBUT HARGA BIL.1/2016- MAINTENANCE OF SOUTH PONTOON AT SWETTENHAM PIER CRUISE TERMINAL	Gred G1 CE21	14 Mac 2016/ Laman Web SPPP <a href="http://www.penangport.gov.my">http://www.penangport.gov.my</a>	<b>21 Mac 2016</b> Jam 12:00 tengahari

#### **PERHATIAN**

1. Sila lengkapkan borang tawaran ([Borang A](#), [Borang B](#) dan [Borang C](#)). Borang-borang serta dokumen sokongan hendaklah dihantar ke pejabat Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang di alamat seperti berikut:-

Pengurus Besar  
Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang  
Aras 2, Swettenham Pier Cruise Terminal  
No. 1A Pesara King Edward  
10300 George Town, Pulau Pinang

(SILA MASUKKAN KE DALAM PETI SEBUT HARGA)
2. Sila rujuk kepada [Senarai Semak](#) sebelum menghantar semua dokumen sebut harga.
3. **Dokumen sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat bertutup dan bertanda SPESIFIKASI BAGI SEBUT HARGA BIL. 1/2016 MAINTENANCE OF SOUTH PONTOON AT SWETTENHAM PIER CRUISE TERMINAL.**
4. Dokumen sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat seperti dinyatakan di atas sebelum atau pada **21 Mac 2016** jam 12:00 tengah hari (TARIKH TUTUP SEBUT HARGA). Tawaran yang diterima selepas tarikh dan masa sebut harga ditutup akan ditolak.
5. Tempoh sahlaku sebut harga hendaklah 90 hari selepas tarikh tutup.
6. Pihak Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran yang terendah.

**Tarikh Iklan/Notis : 14 Mac 2016**

Sebut Harga : Bil.1/2016 : Maintenance of South Pontoon  
At Swettenham Pier Cruise Terminal

### **RINGKASAN SEBUT HARGA (PUKAL)**

Bil.	Huraian Kerja	Jumlah Harga Pukal (RM/ bulan)
A.	<p>Skop kerja penyelenggaraan <u>Pontoon Selatan</u> adalah seperti dibawah:</p> <p><b><u>Operasi</u></b>  Kontraktor hendaklah memantau dan memastikan pengoperasian Pontoon berada dalam keadaan baik sepanjang masa serta perlu memaklumkan kepada SPPP bagi sebarang masalah teknikal yang tidak dapat diatasi. Pemantauan adalah termasuk kerja-kerja seperti pemeriksaan visual, pembersihan dan lain-lain serta bertindak balas terhadap apa-apa aduan.</p>	-
A.1.0	<b><u>Gangway</u></b>	-
A.1.1	Periksa untuk mengenalpasti apa-apa masalah pada keseluruhan komponen <i>gangway</i> seperti <i>gangway support system</i> , <i>anchor cable</i> , <i>shaft hinges system</i> , <i>steel ramp at entrance</i> , <i>gangway roof</i> , <i>gangway security fence/handrail (for South Pontoon only)</i> , <i>ramp rollers</i> , <i>steel ramp at pontoon</i> , <i>lighting</i> , <i>floor</i> dan lain-lain yang disebabkan kelusuhan/haus.	-
A.1.2	Periksa dan tambah minyak pelincir pada <i>shaft hinges system</i> , <i>anchor cable</i> dan <i>ramp rollers</i> .	-
A.1.3	Periksa dan betulkan kedudukan <i>ramp rollers</i> dan <i>steel plate</i> kepada kedudukan yang asal sekiranya terganjak. Pastikan <i>ramp rollers</i> berfungsi dengan lancar.	-
A.1.4	Periksa dan baiki kecacatan yang dikenalpasti pada <i>ramp rollers</i> dan <i>shaft hinges system</i> . (Sekiranya komponen ini perlu diganti, kos komponen gantian hendaklah mendapat kelulusan SPPP terlebih dahulu sebelum dipasang. Kos ini tidak termasuk dalam kontrak.)	-
A.1.5	Periksa dan ketatkan semua rivet pada <i>roofing sheet</i> dan baiki sebarang ketirisan pada bumbung <i>gangway</i> .	-

A.1.6	Periksa dan pastikan keseluruhan sistem <i>gangway</i> termasuk struktur atas dan bawah, struktur bumbung dan lantai dicat sekiranya karat. Cat <i>gangway</i> dengan antikarat dan disalut dengan cat warna asal komponen berkenaan.	-
A.1.7	Bersihkan keseluruhan komponen <i>gangway</i> daripada kekotoran dan najis burung.	-
<b>A.2.0</b>	<b><u>Pontoon</u></b>	
A.2.1	Periksa untuk mengenalpasti apa-apa kerosakan pada dek konkrit. Bersihkan sampah dan kotoran.	-
A.2.2	Periksa <i>security fence</i> . Periksa pergerakan <i>fence roller</i> supaya berfungsi dan dapat disorong dengan lancar.	-
A.2.3	Periksa semua <i>bollard</i> . Baiki semua kerosakan <i>bollard</i> termasuk <i>bolt/recessed bolt holes</i> .	-
A.2.4	Periksa <i>chequered plate</i> untuk kenalpasti jika ada kekaratan, keherotan atau kerosakan tiang penyokong. Bersihkan dan baiki. (Sekiranya komponen ini perlu diganti, kos komponen gantian hendaklah mendapat kelulusan SPPP terlebih dahulu sebelum dipasang. Kos ini tidak termasuk dalam kontrak.)	-
A.2.5	Periksa dan pastikan keseluruhan struktur bumbung dalam keadaan baik. Ketatkan semua rivet pada <i>roofing sheet</i> dan baiki sebarang ketirisan pada bumbung <i>pontoon</i> .	-
A.2.6	Bersihkan sebarang tumbuhan marin pada sisi <i>pontoon</i> dan I-Beam.	-
A.2.7	Periksa struktur bumbung pada <i>pontoon</i> , <i>angle iron</i> , <i>bollard</i> dan <i>security fence</i> . Sekiranya berkarat, bersihkan terlebih dahulu dan cat dengan antikarat serta disalut dengan cat warna asal komponen berkenaan.	-
<b>A.3.0</b>	<b><u>Guide Pile</u></b>	
A.3.1	Periksa untuk mengenalpasti apa-apa masalah dan kerosakan pada <i>guide piles</i> , <i>rubber fenders and its brackets</i> , <i>pile dome</i> dan lain-lain.	-
A.3.2	Letakkan <i>grease</i> pada semua <i>guide pile rollers system</i> .	-

A.3.3	Periksa dan baiki <i>roller system</i> yang rosak. Set <i>roller system</i> merangkumi <i>roller</i> , <i>shaft</i> , <i>fencing rubber and its bracket and box cover</i> . (Sekiranya komponen ini perlu diganti, kos komponen gantian hendaklah mendapat kelulusan SPPP terlebih dahulu sebelum dipasang. Kos ini tidak termasuk dalam kontrak.)	-
A.3.4	Ketatkan semua <i>bolts &amp; nuts</i> pada <i>50mm MS plate (holding bracket)</i>	-
A.3.5	Laporkan kepada SPPP sekiranya terdapat kerosakan pada <i>guide pile, rubber fender and its bracket</i> yang disebabkan oleh operasi kendalian kapal.	-
<b>A.4.0</b>	<b>Pendawaian dan Lampu</b>	
A.4.1	Periksa untuk mengenalpasti apa-apa masalah pendawaian dan lampu. Baiki jika rosak.	-
	Penyelenggaraan <b>Pontoon Selatan</b> di Swettenham Pier Cruise Terminal.  *Jumlah dibawa ke Ke Borang Sebut Harga (RM/bulan)	.....

Bil.	Butiran Insurans
B	<p>Kontraktor hendaklah mengambil Insurans seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Insurans Liabiliti Awam (Liputan minimum bagi setiap kemalangan adalah RM50,000)</li> <li>2) Insurans Kerja</li> </ol> <p><b>(Bayaran insurans akan dikembalikan berdasarkan resit-resit bayaran premium insurans-insurans di atas.)</b></p>

Ringgit Malaysia :

.....  
.....

- i. \*No. Pendaftaran dengan CIDB .....  
ii. Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan  
iii. Tarikh mula kerja dan tempoh pelaksanaan kerja .....

Saya/Kami dengan ini menawarkan untuk membekalkan kerja seperti tersebut di atas dengan harga yang telah disertakan. Saya/kami akan mematuhi Syarat-syarat Kerja yang ditetapkan bagi pelawaan ini.

Tanda tangan penyebut harga .....

Tarikh : ..... Nama : .....

Nombor Kad Pengenalan : .....

Alamat Syarikat : .....

No. Tel. .....

Cop Syarikat :

- \* No. Pendaftaran dengan CIDB perlu dinyatakan dengan mengikut Kod Bidang Pendaftaran yang telah dicantikkan di muka surat hadapan sebut harga ini. Sila sertakan sesalinan sijil pendaftaran dengan CIDB semasa penyerahan sebut harga tersebut.

**Mustahak - Lihat Syarat-syarat Sebut Harga Untuk Kerja**

## **SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA UNTUK KERJA**

### **1. PEMERIKSAAN TAPAK**

Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan Kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal-keadaan yang mempengaruhi dan menjelas sebut harganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

### **2. INSURANS**

- 2.1 Kontraktor hendaklah atas nama bersama SPPP dan Kontraktor perlu mengambil Insurans Liabiliti Awam dan Insuran Kerja bagi tempoh pelaksanaan Kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.
- 2.2 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Pengguna SPPP atau Wakilnya semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan kerja. Bagaimanapun untuk tujuan memulakan Kerja sahaja, Nota-nota Perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah nota-nota perlindungan, tanpa sebarang yang munasabah, Pegawai Pengguna SPPP atau Wakilnya berhak mengambil tindakan yang bersesuaian.

### **3. PERATURAN PELAKSANAAN KERJA**

Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebut Harga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga ini dan arahan Pegawai Pengguna SPPP atau Wakilnya.

### **4. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA**

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas tujuh (7) hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Kontrak, tanpa sebab-sebab yang munasabah, Kontrak akan dibatalkan oleh Pegawai Pengguna SPPP atau Wakilnya dan tindakan akan diambil terhadap Kontraktor.

## **5. SUB-SEWA DAN MENYERAH HAK KERJA**

Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan Kerja kepada Kontraktor-kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahhak apa-apa faedah di bawah Kontrak ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Penguasa SPPP atau Wakilnya.

## **6. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH PEGAWAI PENGUASA SPPP ATAU WAKILNYA**

- 6.1 Pegawai Penguasa SPPP atau Wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam spesifikasi. Kontraktor hendaklah apabila diminta oleh Pegawai Penguasa SPPP atau Wakilnya, memberi kepadanya baucar-baucar dan/ atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu memenuhi Spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Kontraktor sendiri.
- 6.2 Kontraktor hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.
- 6.3 Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam Spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Pegawai Penguasa SPPP atau Wakilnya secara bertulis.

## **7. RINGKASAN SEBUT HARGA**

- 7.1 Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi atas Jumlah Harga Sebut Harga.
- 7.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain perlu dan berkaitan bagi penyiapan Kerja dengan sempurnanya.
- 7.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah sebut harga atau dalam tempoh Kerja.
- 7.4 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Penguasa SPPP atau Wakilnya tentang kemunasabahannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudianya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dibuat sebelum Kontrak dikeluarkan.

- 7.5 Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut Harga menurut perenggan 7.4 tersebut di atas apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Kontrak dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam borang Sebut Harga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.
- 7.6 Sekiranya Sebut Harga berasaskan senarai kuantiti sementara, pengukuran semula hendaklah dibuat dan harga Sebut Harga diselaraskan.

## **8. PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUT HARGA**

- 8.1 Dokumen Sebut Harga adalah dikira sebagai saling-jelas-menjelas antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehingga siap mengikut tujuan dan maksud sebenar. Dokumen Sebut Harga pada keseluruhannya sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihal secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan, maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahnya dari Dokumen Sebut Harga itu.
- 8.2 Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga, dia hendaklah merujuk kepada Pegawai Pengguna SPPP atau Wakilnya untuk mendapatkan keputusan.

## **9. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR**

Pegawai Pengguna SPPP atau Wakilnya berhak membatalkan Kontrak sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Pengguna SPPP atau Wakilnya:

- (a) Sekiranya Kontraktor masih gagal menyiapkan Kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;
- (b) Kemajuan Kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (c) Penggantungan perlaksanaan seluruh atau sebahagian Kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (d) Tidak mematuhi arahan Pegawai Pengguna SPPP atau Wakilnya tanpa apa-apa alasan yang munasabah; dan
- (e) Apabila Kontraktor diisyiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

## **10. PERUBAHAN KERJA**

- 10.1 Pegawai Pengguna SPPP atau Wakilnya boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan

kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Pengguna SPPP atau Wakilnya atau yang disahkan kemudian oleh Pegawai Pengguna SPPP atau Wakilnya boleh membatalkan Sebut Harga ini.

- 10.2 Semua kerja perubahan dan/ atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai Pengguna SPPP atau Wakilnya akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/ Ringkasan Sebut Harga. Jika terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Pengguna SPPP atau Wakilnya dan Kontraktor hendaklah digunakan.

## **11. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP**

Bayaran hanya akan dibayar setelah Kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurnanya dan diperakukan oleh Pegawai Pengguna SPPP atau wakilnya.

## **12. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR**

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-undang Kecil dan Undang-undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat ini. Kontraktor juga perlu mematuhi Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Akta Kilang dan Jentera 1967 serta peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan di Swettenham Pier Cruise Terminal.

## **13. PERAKUAN SIAP KERJA**

Pegawai Pengguna SPPP hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan. Tarikh siap kerja ini bermulanya Tempoh Tanggungan Kecacatan.

## **14. PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN**

Pegawai Pengguna SPPP hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan sebaik sahaja kontraktor telah membaiki kecacatan, ketidak sempurnaan, kekecutan atau apa-apa juga kerosakan lain.

## **15. PENALTI TIDAK HADIR BEKERJA**

Penalti tidak hadir bekerja bagi sehari adalah seperti berikut:

Penalti = 1 hari/ 22 hari x Kos Kontrak

**SURAT AKUAN PEMBIDA  
Bagi**

**SEBUT HARGA BIL. 1/2016 MAINTENANCE OF SOUTH PONTOON  
AT SWETTENHAM PIER CRUISE TERMINAL**

Saya, ..... nombor kad pengenalan .....

..... yang mewakili ..... nombor Pendaftaran .....

..... dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga\* seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisyiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawarkan atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga\* di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga\* di atas; atau
- 2.2 penamatkan kontrak bagi tender/sebut harga\* di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga\* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

Tanda tangan : .....  
Nama : .....  
No. Kad Pengenalan : .....  
Cop Syarikat : .....

**Catatan: \* Potong mana yang tidak berkenaan.**

**SENARAI SEMAK KERJA**

Sila Tandakan  Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan

Bil	Perkara/Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
1.	Salinan Sijil Taraf Bumiputera Dari Pusat Khidmat Kontraktor (Kerja)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	*Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) oleh CIDB	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.	*Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4.	*Borang Sebut Harga Telah Diisi Dengan Lengkap (Termasuk nilai tawaran dan tempoh mula kerja) Dan Ditandatangani	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5.	*Maklumat Penyebut Harga (Profil Syarikat)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6.	*Pematuhan Kepada Spesifikasi	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7.	*Senarai Kerja Dalam Tangan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8.	Senarai Peralatan/ Jentera Milik Syarikat	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9.	*Senarai Kakitangan Teknikal	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10.	*Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi Tiga (3) Bulan Terakhir (Disember 2015, Januari 2016 & Februari 2016)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
11.	*Surat Akuan Pembida (SPRM)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

**PENGESAHAN OLEH SYARIKAT**

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tanda tangan : .....

Nama : .....

Jawatan : .....

Tarikh : .....

**UNTUK KEGUNAAN  
SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG**

Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. .....(jika ada)

Tanda tangan:

Nama : .....

Tarikh : .....

Tanda tangan:

Nama : .....

Tarikh : .....

Tanda tangan:

Nama : .....

Tarikh : .....

**Nota: Dokumen yang bertanda \* adalah wajib disertakan dan dipatuhi semasa penghantaran dokumen sebut harga.  
Dokumen sebut harga yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan.**

## PENENTUAN DAN SPESIFIKASI KERJA

### 1. PENGENALAN

#### 1.1 Latarbelakang

Swettenham Pier Cruise Terminal (SPCT) siap dibina pada tahun 2009, yang mana ia beroperasi sebagai terminal penumpang kapal-kapal pesiar antarabangsa dan feri pesisir pantai. Terdapat dua buah tambatan feri pesisir pantai yang dinamakan sebagai Pontoon Utara dan Pontoon Selatan. Pontoon-pontoon tersebut memerlukan pemantauan, penyeliaan, penelitian dan perancangan kerja-kerja penyelenggaraan yang proaktif bagi menjamin keberfungsian, kebolehharapan peralatan dan kelengkapan tersebut.

#### 1.2 Objektif

Kerja penyelenggaraan pontoon bagi sebut harga ini adalah untuk Pontoon Selatan di SPCT yang diperlukan bagi menjamin sistem pontoon dalam keadaan baik dan beroperasi dengan selamat. Pelan penyelenggaraan dalam Kerja ini pula menggariskan satu siri aktiviti yang terdiri daripada kaedah, keutamaan, jadual kerja, komitmen sumber dan peruntukan yang perlu dalam memastikan sistem dalam keadaan baik.

### 2. SKOP KERJA OPERASI SISTEM PONTOON

- 2.1. Kontraktor hendaklah menjalankan semua operasi dan penyelenggaraan seperti yang diperlukan dalam tempoh kontrak ini dengan cara mematuhi peruntukan yang berkaitan dan semua undang-undang termasuk Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994. Kontraktor juga hendaklah mematuhi mana-mana undang-undang baru dan pindaan kepada undang-undang yang sedia ada dalam tempoh kontrak. Semua kerja-kerja, melainkan jika disebutkan secara khusus, hendaklah mengikut keperluan spesifikasi, kaedah, peraturan dan standard yang telah ditetapkan.
- 2.2. Kontraktor hendaklah memastikan pengoperasian dan penyelenggaraan sistem pontoon sentiasa berada dalam keadaan baik.
- 2.3. Peralatan rosak dalam tempoh perkhidmatan hendaklah diganti, dan setiap peralatan yang ditawarkan hendaklah baru dan belum digunakan.

### 3. TEMPOH KERJA

Tempoh Kerja adalah selama satu (1) TAHUN (12 Bulan).

#### **4. KOS PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN PERALATAN/SISTEM**

Kontraktor hendaklah menanggung kesemua kos pemeriksaan, penyelenggaraan dan pembaikan bagi semua peralatan/sistem di bawah seliaan/tanggungjawab yang termaktub dalam Ringkasan Sebut Harga (Pukal).

Bagi Bilangan A.1.4, A.2.4 dan A.3.3 di dalam Ringkasan Sebut Harga, sekiranya komponen ini perlu diganti, kos gantian hendaklah mendapat kelulusan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) terlebih dahulu sebelum dipasang. Kos ini tidak termasuk dalam kontrak.

#### **5. WAKTU KERJA**

Tempoh kerja menyenggala adalah selama satu tahun (12 bulan dari tarikh mula kerja). Hanya seorang pekerja bekerja dari jam 9:00 pagi sehingga 5:00 petang (rehat selama 1 jam) serta bekerja selama lima (5) hari seminggu. Waktu rehat pada Hari Jumaat adalah pada jam 12.30 tengahari sehingga 14:30 petang.

Walaubagaimanapun, sekiranya diperlukan untuk keadaan kecemasan/kerosakan, pihak kontraktor hendaklah membekalkan khidmat tanpa sebarang kos.

#### **6. LAPORAN KERJA**

Pihak kontraktor hendaklah mencatatkan keadaan komponen pada sistem pontoon berkenaan ke dalam **Maintenance Checklist Schedule** yang disertakan dalam sebut harga. *Maintenance Checklist Schedule* berkenaan hendaklah diserahkan kepada SPPP pada setiap minggu (Hari Isnin). Pihak kontraktor juga bertanggungjawab untuk melaporkan segera kepada SPPP bagi semua kejadian kecemasan merangkumi perihal yang membahayakan kepada pengguna pontoon berkenaan.

#### **7. TUNTUTAN BAYARAN**

SPPP akan membuat bayaran secara bulanan kepada kontraktor setelah Kerja disempurnakan dengan memuaskan dan diakui sah oleh SPPP untuk bulan yang berkenaan. Tuntutan ini hendaklah disertakan dengan:

- i. Satu salinan invoice bulanan
- ii. Rekod kedatangan pekerja teknikal
- iii. *Maintenance Checklist Schedule* yang lengkap diisi bagi bulan dituntut
- iv. Lain-lain dokumen sokongan yang diperlukan dari semasa ke semasa oleh SPPP



ENGINEERING UNIT  
PENANG PORT COMMISSION  
MAINTENANCE CHECKLIST SCHEDULE

LAMPIRAN B

PONTOON : SELATAN	Time Started :
Date : Day :	Time Completed :

Note :-	
O	Not Applicable
G	Good Condition
X	Not Good
R	Need to Repair

GANGWAY			COMMENTS			
1) STEEL RAMP AT ENTRANCE						
2) STEEL RAMP AT PONTOON						
3) GANGWAY SUPPORTER SYSTEM (2 UNIT)						
4) ANCHORS CABLE (2 UNIT)						
5) SHAFT HINGES SYSTEM (2 UNIT)						
6) SECURITY FENCE/HAND RAIL						
7) ROOF						
8) LIGHTING						
9) FLOOR						
10) RAMP ROLLERS (2 UNIT)						
PONTOON DECK		Sea Wall Side	Inner Berth Side	Comments		
1) CHEQUERED PLATE						
2) BOLLARD (4 UNIT EACH SIDE)						
3) ROOF						
4) LIGHTING						
5) FLOOR						
6) SECURITY FENCE						
7) ANGEL IRON						
8) I-BEAM						
GUIDE PILE		GP 1	GP 2	GP 3	GP 4	Comments
1) PILE DOME						
2) GUIDE PILE						
3) RUBBER FENDER						
4) 50MM MILD STEEL PLATE						
5) ROLLER SYSTEM (3 UNIT)						
6) BOLT & NUT						

Recommendation:

---

Checked by:

Signature:

Name:

**KLAUSA PENCEGAHAN RASUAH DALAM DOKUMEN  
PEROLEHAN KERAJAAN**

“Termination on Corruption, Unlawful or Illegal Activities

- (a) Without prejudice to any other rights of the Government, if the [Company/Firm], its personnel, servants or employees is convicted by a court of law for corruption or unlawful or illegal activities in relation to this [Agreement/Contract] or any other agreement that the [Company/Firm] may have with the Government, the Government shall be entitled to terminate this [Agreement/Contract] at any time, by giving immediate written notice to that effect to the [Company/Firm].
- (b) Upon such termination, the Government shall be entitled to all losses, costs, damages and expenses (including any incidental costs and expenses) incurred by the Government arising from such termination.
- (c) For the avoidance of doubt, the Parties hereby agree that the [Company/Firm] shall not be entitled to any form of losses including loss of profit, damages, claims or whatsoever upon termination of this [Agreement/Contract].”